

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**SAKIT BELAKANG : SATU KAJIAN KESAN
APLIKASI MEKANIK BADAN DALAM
KALANGAN PELAJAR KEJURURAWATAN DI
HOSPITAL UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
(HUSM)**

Oleh



IZHADAINI MADIAH BINTI MOHAMAD

**Disertasi yang diserahkan untuk memenuhi
keperluan bagi
Ijazah Sarjana Muda Sains Kesihatan
(Kejururawatan)**

April 2007

SIJIL AKU JANJI

Diperakui bahawa disertasi yang bertajuk “ *Sakit Belakang : Satu Kajian Kesan Aplikasi Mekanik Badan Dalam Kalangan Pelajar Kejururawatan Di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM)*” merupakan kerja dan penyelidikan yang asli dari *Izhadaini Madiyah Binti Mohamad (Nombor Matrik 81529)* dari tempoh Mei 2006 hingga Mei 2007 adalah di bawah penyeliaan saya. Disertasi ini merupakan sebahagian daripada syarat untuk penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Kesihatan (Kejururawatan). Segala hasil penyelidikan dan data yang diperolehi adalah hak milik Universiti Sains Malaysia.

<p>Tandatangan Penyelia Utama</p>  <p>.....</p>	<p>Tandatangan Penyelia Bersama</p>  <p>.....</p>
<p>Puan Dariah Mohd Yusoff</p> <p>Pensyarah Kejururawatan PPSK</p> <p>Universiti Sains Malaysia</p> <p>Kampus Kesihatan</p>	<p>Cik Norazlia Shamsudin</p> <p>Pensyarah Kejururawatan PPSK</p> <p>Universiti Sains Malaysia</p> <p>Kampus Kesihatan</p>

PENGHARGAAN

Bersyukur saya ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurniaNya dapat saya menyiapkan tugas **GTJ 312/6 (PROJEK PENYELIDIKAN)** penyelidikan yang bertajuk ” **SAKIT BELAKANG : APLIKASI MEKANIK BADAN DALAM KALANGAN PELAJAR KEJURURAWATAN DI HOSPITAL UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (HUSM)**” dengan jayanya.

Dengan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia kajian, Puan Dariah Mohd Yusoff dan penyelaras kursus ini, selaku penyelia bersama iaitu Cik Norazliah Shamsudin yang banyak memberi bantuan dari masa ke semasa dan tunjuk ajar tanpa mengira penat dan lelah kepada saya untuk menyiapkan tugas ini. Tanpa bimbingan mereka agak sukar bagi saya untuk menyiapkan tugas ini.

Saya juga ingin tujukan ribuan terima kasih kepada Prof. Madya. Dr. Mohd. Isa bin Haji Bakar yang memberi bimbingan, panduan, maklumat dan tunjuk ajar sepanjang saya menjalankan penyelidikan. Sekalung penghargaan juga kepada semua kakitangan Pusat Pengajian Sains Kesihatan yang terlibat di atas kerjasama dan bantuan yang dihulurkan oleh mereka. Tidak lupa juga semua jururawat HUSM, Pengetua Diploma Sains Kejururawatan di Universiti Darul Iman (UDM), pelajar Diploma Sains Kejururawatan di UDM dan pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Kejururawatan di Universiti Sains Malaysia (USM) yang telah membantu dan memberi kerjasama serta panduan yang sangat berguna kepada saya.

Saya juga ingin menghadaiahkan penghargaan kepada semua rakan seperjuangan yang telah bersama-sama berusaha dan menyiapkan projek masing-

masing. Akhir sekali, terima kasih tidak terhingga kepada ahli keluarga saya yang sentiasa memberikan sokongan dan inspirasi kepada saya dalam usaha melengkapkan projek ini. Semoga kertas kerja ini dapat memberi manfaat kepada saya sebagai memenuhi syarat lulus kursus ini.

Sekian, terima kasih. Wassalam.

Izhadaini Madiyah Binti Mohamad

Mac 2007

SUSUNAN KANDUNGAN

	Muka Surat
SIJIL AKU JANJI	ii
PENGHARGAAN	iii
<i>ACKNOWLEDGEMENT</i>	
SUSUNAN KANDUNGAN	iv
<i>CONTENTS</i>	
SENARAI JADUAL	vi
<i>LIST OF TABLES</i>	
SENARAI RAJAH	vii
<i>LIST OF FIGURES</i>	
ABSTRAK	viii
<i>ABSTRACT</i>	
* ABSTRACT	ix
BAB 1: PENGENALAN	
<i>CHAPTER 1: INTRODUCTION</i>	
1.1 Latar Belakang Kajian	1-4
<i>Background of The Study</i>	
1.2 Peryataan Masalah	4-5
<i>Problem Statements</i>	
- Teori/Konsep (akan digunakan dgn ringkas)	5-6
<i>Theoretical or Conceptual Framework</i>	
1.3 Objektif Kajian	7
<i>Objectives of The Study</i>	
1.3.1 Objektif Spesifik	7
<i>Specific Objectives</i>	
1.4 Persoalan Kajian	7
<i>Research Questions</i>	
1.5 Hipotesis	7-8
<i>Hypothesis</i>	
1.6 Definisi Istilah / Operasional	8-9
<i>Definition of Terms</i>	

SUSUNAN KANDUNGAN (sambungan)

	Muka surat
1.7 Kepentingan Kajian <i>Significance of The Study</i>	9
BAB 2: SEMAKAN BACAAN	
CHAPTER 2: LITERATURE REVIEW	
2.1 Pengenalan	10-13
BAB 3: METODOLOGI PENYELIDIKAN	
CHAPTER 3: RESEARCH METHODOLOGY	
3.1 Rekabentuk Kajian <i>Research Design</i>	14
3.2 Lokasi Kajian <i>Population and Setting</i>	14-16
3.3 Sampel Kajian <i>Sample</i>	17
3.3.1 Saiz Sampel <i>Size Sample</i>	17
3.3.2 Corak Pensampelan <i>Sampling Design</i>	18
3.4 Instrumen Kajian <i>Instrumentation</i>	19
3.4.1 Instrumen <i>Instrument</i>	19
3.4.2 Penterjemahan Instrumen <i>Translation of Instrument</i>	19-20
3.4.3 Kesahihan dan Kebolehpercayaan <i>Validity and Reliability</i>	20
3.5 Pertimbangan Etika <i>Ethical Considerations</i>	21

SUSUNAN KANDUNGAN (sambungan)

	Muka surat
3.6 Kaedah Pengumpulan Data	21-22
<i>Data Collection Methods</i>	
3.6.1 Carta Aliran Pengumpulan Data	22
<i>Flow Chart of Data Collection</i>	
3.7 Analisis Data	23
<i>Data Analysis</i>	
BAB 4: KEPUTUSAN	
CHAPTER 4: RESULTS	
4.1 Data Sociodemografi	24-25
4.1.1 Tahap Pengetahuan Pelajar Tentang Mekanik Badan	26-31
4.1.2 Tahap Masalah Sakit Belakang Pelajar Diploma	31-34
4.1.3 Tahap Masalah Sakit Belakang Pelajar Ijazah	35-37
4.1.4 Sikap Pelajar Diploma dan Ijazah Tentang Aplikasi Mekanik Badan	38-39
4.1.5 Objektif 1: Untuk menentukan sama ada terdapat perkaitan antara tahap pengetahuan dengan aplikasi mekanik badan.	39-41
4.1.6 Objektif 2: Untuk menentukan sama ada terdapat perkaitan antara aplikasi mekanik badan dengan tahap sakit belakang.	41-42
4.1.7 Objektif 3: Untuk menentukan sama ada terdapat perkaitan antara tahap pengajian dengan aplikasi mekanik badan.	42-43
4.1.8 Objektif 4: Untuk menentukan sama ada terdapat perkaitan antara tahap pengajian dengan tahap pengetahuan.	43-44

4.1.9	Objektif 5: Untuk menentukan sama ada terdapat perkaitan antara tahap pengajian dengan tahap masalah sakit belakang.	44-45
-------	--	-------

BAB 5: PERBINCANGAN

CHAPTER 5: DISCUSSIONS

5.1	Perbincangan Hasil Kajian	46-49
-----	---------------------------	-------

BAB 6: KESIMPULAN DAN CADANGAN

50-51

CHAPTER 6: CONCLUSIONS AND RECOMMENDATIONS

6.1	Kesimpulan	51
-----	------------	----

Summary of The Study Findings

6.2	Kekuatan dan Limitasi	52
-----	-----------------------	----

Strengths and Limitations

6.3	Implikasi dan Cadangan	52
-----	------------------------	----

Implications and Recommendations

6.3.1	Praktis Kejururawatan	53
-------	-----------------------	----

Nursing Practice

6.3.2	Pendidikan Kejururawatan	53
-------	--------------------------	----

Nursing Education

6.3.3	Penyelidikan Kejururawatan	53
-------	----------------------------	----

Nursing Research

SUSUNAN KANDUNGAN (sambungan)

	Muka surat
SENARAI RUJUKAN	55-59
<i>REFERENCES</i>	
LAMPIRAN	
APPENDIX	
Lampiran A: Borang Keizinan	60-65
Lampiran B: Soalan Soal Selidik	66-73
Lampiran C: Jadual	15-45
Lampiran D: Surat Kelulusan Etika	75-77
Lampiran E: Surat Kelulusan Hospital (melakukan kajian)	75-77

SENARAI JADUAL

	Muka surat
Jadual 1.1	Pembahagian Wad Penempatan Responden 15
Jadual 1.2	Penempatan Pelajar Ijazah di Wad 15
Jadual 1.3	Penempatan Pelajar Diploma di Wad 16
Jadual 1.4	Jumlah Responden yang Diterima 17
Jadual 1.5	Frekuensi dan Peratus Responden Berdasarkan Ciri Sosiodemografi 25
Jadual 1.6	Tahap Pengetahuan Pelajar Diploma Tentang Mekanik Badan 28-29
Jadual 1.7	Tahap Pengetahuan Pelajar Ijazah Tentang Mekanik Badan 30-31
Jadual 1.8	Tahap Masalah Sakit Belakang Pelajar Diploma 34
Jadual 1.9	Tahap Masalah Sakit Belakang Pelajar Ijazah 37
Jadual 1.10	Aplikasi Mekanik Badan Pelajar Diploma 38-39
Jadual 1.11	Aplikasi Mekanik Badan Pelajar Ijazah 39
Jadual 1.12	Perkaitan Antara Tahap Pengetahuan Dengan Aplikasi Mekanik Badan 40
Jadual 1.13	Chi-Square Test (Perkaitan Antara Tahap Pengetahuan Dengan Aplikasi Mekanik Badan) 41
Jadual 1.14	Perkaitan Antara Aplikasi Mekanik Badan Dengan Tahap Sakit Belakang 42
Jadual 1.15	Chi-Square Test (Perkaitan Antara Aplikasi Mekanik Badan Dengan Tahap Sakit Belakang) 42
Jadual 1.16	Perkaitan Antara Tahap Pengajian Dengan Aplikasi Mekanik Badan 43
Jadual 1.17	Chi-Square Test (Perkaitan Antara Tahap Pengajian Dengan Aplikasi Mekanik Badan) 43
Jadual 1.18	Perkaitan Antara Tahap Pengajian Dengan Tahap Pengetahuan 44
Jadual 1.19	Chi-Square Test (Perkaitan Antara Tahap Pengajian Dengan Tahap Pengetahuan) 44
Jadual 1.20	Perkaitan Antara Tahap Pengajian Dengan Tahap Masalah Sakit Belakang 45
Jadual 1.21	Chi-Square Test (Perkaitan Antara Tahap Pengajian Dengan Tahap Masalah Sakit Belakang) 45

SENARAI RAJAH

	Muka surat
Rajah 1.1 Diadaptasi dari Model of Learner/Assessor Relationship in the Light of Knowledge, Skills, and Attitudes.	6

SENARAI SINGKATAN

	Muka surat
1.1 Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM)	2
1.2 Universiti Sains Malaysia Kubang Kerian (USMKK)	16
1.3 Universiti Darul Iman (UDM)	16

SENARAI LAMPIRAN

	Muka surat
1.1 Borang Keizinan	60-65
1.2 Borang Soal-Selidik	66-73
1.3 Borang Semakan	74
1.4 Surat Kelulusan Etika	75-77

SAKIT BELAKANG : SATU KAJIAN KESAN APLIKASI MEKANIK BADAN DALAM KALANGAN PELAJAR KEJURURAWATAN DI HUSM.

ABSTRAK

Sakit belakang didefinisikan sebagai satu episod ketidakselesaan di bahagian tulang belakang dan satu gangguan di bahagian korda spina yang boleh mengganggu aktiviti harian seseorang. Bahagian belakang bermula dari skapula ke garisan pinggir bawah pinggang. Simptom patologi atau kesakitan, rasa kaku atau lenguh yang melebihi satu hari yang berlaku di bahagian belakang dan melibatkan otot, tendon, sendi dan diska intervertebral. Manakala mekanik badan pula boleh didefinisikan sebagai kaedah menggunakan bahagian badan dengan berkesan, selamat dan berkoordinasi semasa melakukan aktiviti harian. Ia amat penting terutama ahli profesional kesihatan seperti jururawat dan diamalkan semasa menjadi pelajar kejururawatan lagi supaya mempunyai pengetahuan dan mengaplikasikan penggunaan mekanik badan yang betul semasa praktikum di wad untuk mengelakkan masalah sakit belakang apabila menjadi jururawat kelak.

Kajian yang akan dilakukan ini adalah untuk mengenalpasti samada pelajar kejururawatan mengaplikasikan mekanik badan yang betul seperti yang telah dipelajari semasa praktikum di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM). Kajian tentang mekanik badan sangat penting terutama dalam kalangan pelajar kejururawatan untuk mengelakkan beberapa masalah semasa praktikum di wad seperti masalah sakit belakang. Menurut beberapa kajian yang telah dibuat bahawa pembelajaran mekanik badan amat penting bagi jururawat supaya mereka tahu kepentingan aplikasi mekanik badan untuk memelihara keseimbangan badan, memudahkan kerja, menjimatkan

tenaga, mengurangkan keletihan dan mengurangkan risiko ketegangan dan kecederaan otot, sendi, dan tendon. Namun begitu terdapat beberapa faktor yang menyebabkan mereka tidak mengaplikasikan mekanik badan yang betul. Salah satu penyebabnya adalah sikap malas dan tidak cukup masa.

Kajian deskriptif ini telah dilaksanakan di HUSM dengan menggunakan borang soal-selidik yang telah disahkan. Borang soal-selidik terdiri dari bahagian A data demografi, bahagian B soalan pilihan berkaitan dengan tahap pengetahuan dan bahagian C soalan tertutup tentang tahap sakit serta bahagian D adalah mengenai amalan / aplikasi mekanik badan dalam kalangan pelajar kejururawatan semasa praktikum di HUSM. Pemerhatian telah dilakukan terhadap tiga puluh orang (30) pelajar kejururawatan tahun empat yang mengikuti Ijazah Sarjana Muda dalam bidang kejururawatan selama empat tahun di Universiti Sains Malaysia Kubang Kerian (USMKK). Manakala pelajar yang mengikuti Diploma Sains Kejururawatan di kolej kejururawatan Universiti Darul Iman (UDM) yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada pelajar tahun 2 iaitu seramai sembilan belas orang (19) dan tahun 3 seramai dua puluh enam orang (26). Kesemua responden telah mempelajari tentang mekanik badan. Pengetahuan mereka tentang mekanik badan, mengaplikasikan mekanik badan semasa praktikum dan masalah sakit belakang dalam kalangan pelajar kejururawatan telah dianalisis dengan Statistical Package For Social Sciences (SPSS) versi 12. Data telah disusun dan dirumuskan dalam statistik deskriptif dengan menggunakan atur cara Statistical Package For Social Sciences (SPSS) versi 12. Selain itu, analisis *chi-square* telah digunakan apabila perkaitan antara pembolehubah bersandar dan tidak bersandar. Analisis ini dilakukan pada aras keyakinan 0.01. Tujuannya adalah untuk melihat perkaitan antara pembolehubah tidak bersandar (aplikasi mekanik badan) terhadap pembolehubah bersandar (sakit belakang).

Keputusan yang telah diperolehi dari kajian ini menunjukkan majoriti responden tidak mengamalkan mekanik badan semasa praktikum di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM). Melalui temubual dengan beberapa orang responden terdapat beberapa faktor yang menyebabkan mereka tidak mengaplikasi mekanik badan seperti masa yang terhad serta tidak sempat mengamalkan mekanik badan, tidak cukup staf untuk membantu semasa praktikum dan persekitaran di wad mempengaruhi juga sikap mereka. Kajian ini juga menunjukkan peratus pelajar ijazah adalah lebih ramai yang mengamalkan mekanik badan jika dibandingkan dengan pelajar diploma. Oleh itu, kita dapat tafsirkan bahawa pengetahuan mempengaruhi responden mengamalkan mekanik badan semasa praktikum di wad di samping sikap yang ada dalam diri seseorang lebih menggalakkan mereka mengaplikasikan mekanik badan semasa praktikum di HUSM. Peratus pelajar ijazah yang mengalami masalah sakit belakang juga amat sedikit jika dibandingkan dengan pelajar diploma.

Kesimpulannya, kebanyakan responden tahu tentang kepentingan mekanik badan semasa praktikum di wad tetapi disebabkan beberapa faktor seperti masa tidak cukup dan tidak cukup staf menyebabkan mereka tidak sempat mengaplikasi mekanik badan semasa praktikum di HUSM. Oleh demikian, kajian perlu dilakukan lagi untuk memastikan kepentingan aplikasi mekanik badan semasa praktikum di wad terutama kalangan pelajar kejururawatan supaya mereka lebih mementingkan kesihatan diri supaya dapat mengurangkan atau mengelakkan masalah sakit belakang apabila bekerja sebagai jururawat kelak.

BACK PAIN : A RESEARCH ABOUT THE EFFECTS OF BODY MECHANIC APPLICATION AMONG NURSING STUDENTS IN HUSM .

ABSTRACT

Back pain is defined as an episode of uncomfortable feeling at the backbone area and spinal chord which can affect daily activities of a person. The back area is started from scapula to border line below waist. Pathological symptom or pain are like cramp for more than one day at the back which includes muscles, tendon, joints and intervertebral disc. The body mechanic can be defined as a method of using body parts effectively and safely during activities done. It is very important especially for the health professionals such as nurses and is being taught and implemented during learning to be a nurse so that the proper use of body mechanic can be applied during practical in ward to avoid back pain when they started to be a nurse later.

The research which is to be done is to determined whether nursing students use the right body mechanic as they learned during practical in HUSM. This research is important among nursing student to avoid problems during practical in ward. Learning of body mechanic is important for nurses so that they can use it to maintain body balancing, ease their work, reduce tiredness and also to reduce the risk of the tension of muscle, joints and tendon. However there are some factors that make them do not apply the right body mechanic such as not enough time and lazy to do that.

This descriptive research had been done using verified questionnaires forms. These forms assist of part A which is for demography data, part B questionnaires about the knowledge level, part C questionnaires of the level of the pain and part D for the usage of body mechanic among students during practical in HUSM. An

observation had been done to 30 fourth year students who are doing degree in nursing in USMKK. Another student involve are 2nd year student from nursing college of UDM consist of 19 students and 26 students from third year. All respondents had learnt about body mechanic. All their knowledge about body mechanic, the application during practical and back pain problem among nursing student had been analysed using SPSS.

This research is to encourage nursing student to apply body mechanic not only during learning at college but also during working in the future. This could reduce the risk of body pain among nursing professionals. It also to create students altitude to pay attention to self health in order to give proper treatment to patient. If the nurse get the body pain, it would affect their working performance. Comprehensive courses are very important to upgrade knowledge among nurses.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Sakit belakang adalah masalah yang kerap dialami oleh ahli-ahli kesihatan terutamanya jururawat. Menurut Viera (2006) menyatakan bahawa sakit belakang adalah masalah yang banyak dialami oleh jururawat di barat. Faktor risiko sakit belakang dalam kalangan wanita dan lelaki yang bekerja dalam sektor kesihatan terutamanya sebagai jururawat adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan pekerjaan yang lain (Vera 2003). Ini disokong oleh The Health and Safety Commission (1991) yang mendapati kesan jangka panjang mengalih dan mengangkat pesakit semasa bekerja setiap hari menjadi faktor utama jururawat terdedah kepada masalah sakit belakang.

Sakit belakang adalah masalah yang biasa dialami oleh populasi dewasa. Masalah ini adalah disebabkan oleh penggunaan fizikal atau beban kerja yang berlebihan. Hal ini kerana aktiviti fizikal adalah terhad terutamanya mereka yang berumur melebihi 45 tahun. Menurut Ashton-Miller & Schultz (1998), pada umur tersebut terdapat banyak gangguan terutamanya melibatkan tulang belakang.

Mekanik badan penting diamalkan oleh jururawat semasa menjalankan tugas untuk mencegah risiko kecederaan kepada diri sendiri dan pesakit. Salah satu masalah yang biasa dialami oleh jururawat adalah sakit belakang. Menurut Koziar, Erb, Berman dan Burke (2000), mekanik badan adalah satu kaedah menggunakan bahagian badan dengan berkesan, selamat dan berkoordinasi semasa melakukan aktiviti harian. Mekanik badan akan diajar kepada pelajar-pelajar jururawat di kolej kejururawatan atau institusi pusat pengajian tinggi

samada peringkat diploma atau ijazah. Kebanyakan pembelajaran mekanik badan diajar pada tahun pertama pengajian. Antara komponen yang diajar dalam mekanik badan adalah kepentingan aplikasi mekanik badan, elemen utama mekanik badan, prinsip-prinsip mekanik badan, dan kesan buruk penggunaan badan yang tidak betul.

Kajian yang akan dilakukan ini adalah untuk mengenalpasti samada pelajar kejururawatan mengaplikasikan mekanik badan yang betul seperti yang telah dipelajari semasa menjalani latihan amali di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM). Kajian tentang mekanik badan sangat penting terutama dalam kalangan pelajar kejururawatan untuk mengelakkan beberapa masalah semasa menjalani latihan amali seperti masalah sakit belakang. Menurut Hollingdale, (1997) bahawa pembelajaran mekanik badan amat penting bagi jururawat supaya mereka tahu kepentingan aplikasi mekanik badan untuk memelihara keseimbangan badan, memudahkan kerja, menjimatkan tenaga, mengurangkan keletihan dan mengurangkan risiko ketegangan dan kecederaan otot, sendi, dan tendon. Namun begitu terdapat beberapa faktor yang menyebabkan mereka tidak mengaplikasikan mekanik badan yang betul. Salah satu penyebabnya adalah sikap, malas, dan tidak cukup masa. Mengangkat dan mengalih pesakit seperti menukar posisi pesakit semasa di atas katil, dari katil ke kerusi dan dari kerusi roda serta membawa pesakit ke tandas adalah beberapa bentuk tugas jururawat yang mendedahkan mereka kepada risiko mendapat sakit belakang jika tidak mengaplikasikan mekanik badan. Hal ini kerana beban kerja terutamanya yang melibatkan penggunaan fizikal dan mengangkat pesakit atau kadang menolak katil yang melebihi berat badan jururawat juga disebabkan penggunaan mekanik badan yang tidak betul semasa melakukan kerja-kerja tersebut menyebabkan mereka berisiko tinggi mendapat sakit belakang. Menurut Hartvigsen, Lauritzen, Lauritzen & Lings (2005) bahawa akibat beban kerja yang dilakukan oleh jururawat kadang tidak mengambil berat

akan kesihatan mereka juga banyak meningkatkan risiko sakit belakang dalam kalangan jururawat .

Menurut Smeltzer & Bare (2004), sakit belakang adalah disebabkan oleh cedera semasa bekerja. Jururawat lebih terdedah mendapat sakit belakang terutamanya semasa bekerja berbanding dengan pekerjaan yang lain (Viera, 2006).

Menurut kajian St. Vincent (2004), kebanyakan pelajar kejururawatan tidak mengaplikasikan mekanik badan yang telah dipelajari di institusi latihan kejururawatan semasa menjalani latihan amali di hospital terutama untuk mengalih dan mengangkat pesakit dan ini menyebabkan mereka mendapat sakit belakang. Kajian oleh St Vincent membuktikan bahawa 90% mereka menggunakan regangan pada tulang belakang. Interaksi antara spina dan tulang belakang berlaku secara serentak adalah memberi sokongan struktur untuk tubuh badan melindungi korda spina dan menyediakan gerakan, kekuatan dan imbalan yang fleksibiliti. Manakala otot abdomen dan torasik memberikan sokongan dengan membekalkan kekuatan kepada spina dan tulang belakang. Seorang jururawat yang mengamalkan postur badan yang betul dapat mengekalkan 3 lengkungan iaitu lumbar, torasik, dan servikal bertemu dan berada di tengah garisan pertengahan graviti untuk menyeimbangkan penyebaran berat badan. Imbalan ini adalah untuk melindungi jururawat daripada mengalami kesakitan tulang belakang (Hignett, 1996).

Oleh itu, jururawat digalakkan sentiasa mengaplikasikan mekanik badan sejak dari awal iaitu semasa masih menjadi pelajar kejururawatan lagi. Melalui pemerhatian penyelidik sendiri sebagai pelajar, pelajar kurang mengaplikasikan mekanik badan semasa melakukan prosedur perawatan di wad. Hal ini meninggikan risiko untuk mendapat sakit belakang kelak. Setakat ini kajian demikian di Malaysia adalah terhad maka penyelidik berminat untuk melihat perkara ini lebih mendalam untuk mengenalpasti perkaitan antara

masalah sakit belakang dalam kalangan pelajar kejururawatan dan mekanik badan yang tidak diaplikasikan semasa menjalani praktikal di HUSM. Penyelidik menjangkakan bahawa hasil kajian ini akan berbeza dengan luar negara berasaskan tingkahlaku dan budaya cara kerja kita berbeza di sini. Dengan ini penyelidik berminat untuk membuat kajian dan mengkaji masalah sebenar perkaitan sakit belakang dan aplikasi mekanik badan dalam kalangan pelajar kejururawatan di HUSM, Kelantan.

1.2 Penyataan Masalah

Alaf ini beberapa kajian telah dilakukan dan mendapati sakit belakang adalah masalah yang biasa dialami oleh profesion kejururawatan kerana pekerjaan mereka memberi penjagaan dan perawatan pesakit secara langsung dan berterusan. Ia merupakan satu gejala yang umum didapati kerana aktiviti tugas bebanan fizikal seperti mengangkat, memindahkan pesakit, mengangkat benda yang melebihi lima kilogram, menukar posisi pesakit, menolak katil atau peralatan, melakukan jagarawatan keperluan asas dan pengurusan laporan pesakit adalah perawatan asas bagi seseorang jururawat untuk menjalankan tugas di hospital (Owen & Staehler, 2003). Berdasarkan pernyataan masalah di atas, penyelidik telah menggunakan teori tingkahlaku oleh Burrhus Frederick (B.F) Skinner, pengasas teori tingkahlaku yang berpendapat bahawa tingkahlaku dan personaliti ditentukan oleh keadaan atau kejadian yang lalu dan yang ada pada masa sekarang. Terapi tingkahlaku menekankan kepada dimensi kognitif manusia dan memberi beberapa cara berorientasikan tindakan untuk mengambil langkah tertentu untuk mengubah kelakuan (Muhd. Mansur Abdullah, 1993). Melalui teori ini menunjukkan akibat tingkahlaku pelajar kejururawatan yang tidak mengaplikasikan pembelajaran tentang mekanik badan semasa di kolcj kejururawatan telah menyebabkan mereka berisiko

mendapat masalah sakit belakang. Ini dapat ditakrifkan bahawa jika pelajar kejururawatan yang mempunyai pengetahuan mengenai mekanik badan disertai dengan sikap yang berdedikasi dan beretika akan mengaplikasikannya semasa menjalani latihan amali di HUSM. Namun begitu, persekitaran yang sesuai seperti sikap rakan sekerja dan infrastruktur yang terdapat di wad-wad juga akan membantu serta menyokong seseorang pelajar itu untuk mengaplikasikan mekanik badan seterusnya dapat menghasilkan gaya hidup sihat kepada pelajar tersebut. Kemungkinan untuk mendapat masalah sakit belakang adalah rendah dalam kalangan pelajar kejururawatan. Penyelidik berminat melakukan kajian ini adalah untuk mengubah tingkahlaku atau sikap pelajar jururawat yang menjalani latihan amali di HUSM supaya menggunakan pengetahuan mengenai mekanik badan dan mengaplikasikan di wad agar masalah sakit belakang yang menjadi faktor utama dalam kalangan jururawat dapat dielakkan atau di kurangkan terutamanya di HUSM.

1.2.1 Rangka Konseptual Kajian


Berdasarkan konseptual kajian yang diadaptasi dari Model of learner/assessor relationship in the light of knowledge, skills and attitudes. (Bradshaw, 1989)

Ini dapat ditakrifkan bahawa jika pelajar kejururawatan yang mempunyai pengetahuan mengenai mekanik badan iaitu tiga elemen utama ialah pusat graviti, garisan keseimbangan, dan dasar penyokong. Prinsip-prinsip mekanik badan ialah tenaga dapat dikurangkan dan kedudukan lebih stabil. Kesan penggunaan badan yang tidak betul ialah kecederaan serius belakang/leher, keletihan berpanjangan, perubahan postur dan kerosakan tisu sendi berpanjangan dan disertai dengan sikap yang berdedikasi dan beretika akan mengaplikasikannya semasa praktikum di HUSM. Namun begitu, persekitaran yang sesuai seperti sikap rakan sekerja dan infrastruktur yang terdapat di wad-wad juga akan membantu

serta menyokong seseorang pelajar itu untuk mengaplikasikan mekanik badan seterusnya dapat menghasilkan gaya hidup sihat kepada pelajar tersebut. Kemungkinan untuk mendapat masalah sakit belakang adalah rendah dalam kalangan pelajar kejururawatan.

Manakala jika pelajar kejururawatan yang tidak mempunyai pengetahuan mengenai mekanik badan akan berisiko tinggi untuk mendapat masalah sakit belakang. Namun begitu jika pelajar tersebut mempunyai pengetahuan tetapi tidak disertai dengan sikap dan kesedaran untuk mengaplikasikan mekanik badan semasa praktikum di HUSM mereka juga berisiko untuk mendapat masalah sakit belakang.

Oleh itu, penyelidik dapat rumuskan bahawa kajian ini adalah untuk menggalakkan pelajar kejururawatan yang menjalankan praktikum di HUSM supaya mengaplikasikan mekanik badan yang telah dipelajari di institusi kejururawatan supaya dapat mengurangkan risiko masalah sakit belakang kelak. Hal ini kerana sakit belakang biasanya adalah kesan jangka panjang penggunaan mekanik badan yang tidak betul. Apabila mereka sudah biasa dengan penggunaan mekanik badan yang betul dan ini akan diaplikasikan semasa kerja nanti. Dengan ini, dapat mengurangkan risiko masalah sakit belakang dalam kalangan profesion kejururawatan. Contohnya seperti rajah di bawah:-



Rajah 1.1: Diadaptasi dari Model of learner / assessor relationship in the light of knowledge, skills and attitudes (Bradshaw, 1989).

1.3 Objektif Kajian

Terdapat tiga objektif kajian untuk dicapai dalam kajian ini iaitu:-

- i.) Mengenalpasti tahap pengetahuan pelajar kejururawatan tentang mekanik badan.
- ii.) Mengenalpasti samada pelajar kejururawatan mengaplikasi mekanik badan semasa latihan amali di HUSM.
- iii.) Menentukan perkaitan masalah sakit belakang dan aplikasi mekanik badan dalam kalangan pelajar kejururawatan di HUSM.

1.3.1 Objektif Spesifik

Pengukuran Pembolehubah

- Pembolehubah bersandar – masalah sakit belakang
- Pembolehubah tidak bersandar – aplikasi mekanik badan

1.4 Persoalan Kajian

- i.) Apakah tahap pengetahuan pelajar kejururawatan tentang mekanik badan.
- ii.) Adakah pelajar kejururawatan mengaplikasi mekanik badan semasa latihan amali di HUSM.
- iii.) Adakah terdapat perkaitan di antara masalah sakit belakang dan aplikasi mekanik badan dalam kalangan pelajar kejururawatan di HUSM.

1.5 Hipotesis

HA- Aplikasi mekanik badan mempengaruhi masalah sakit belakang dalam

kalangan pelajar kejururawatan di HUSM.

HO- Aplikasi mekanik badan tidak mempengaruhi masalah sakit belakang dalam kalangan pelajar kejururawatan di HUSM.

1.6 Definisi Istilah

1.6.1 Sakit Belakang

Sakit belakang didefinisikan sebagai satu episod ketidakselesaan di bahagian tulang belakang dan satu gangguan di bahagian korda spina yang boleh mengganggu aktiviti harian seseorang (Prendeville & Dockrell, 1998). Bahagian belakang bermula dari skapula ke garisan pinggir bawah pinggang. Simptom patologi atau kesakitan, rasa kaku atau lenguh yang melebihi satu hari yang berlaku di bahagian belakang dan melibatkan otot, tendon, sendi dan diska intervertebral.

1.6.2 Mekanik Badan

Mekanik badan boleh didefinisikan sebagai kaedah menggunakan bahagian badan dengan berkesan, selamat dan berkoordinasi semasa melakukan aktiviti harian. Ia amat penting untuk mengelakkan masalah sakit belakang dalam kalangan jururawat (Yin Bing Yip, 2000). Ini dapat ditakrifkan bahawa jika pelajar kejururawatan yang mempunyai pengetahuan mengenai mekanik badan disertai dengan sikap yang berdedikasi dan beretika akan mengaplikasikannya semasa praktikum di HUSM. Namun begitu, persekitaran yang sesuai seperti sikap rakan sekerja dan infrastruktur yang terdapat di wad-wad juga akan membantu serta menyokong seseorang pelajar itu untuk mengaplikasikan mekanik badan seterusnya dapat menghasilkan gaya hidup sihat kepada pelajar tersebut. Kemungkinan untuk mendapat masalah sakit belakang adalah rendah dalam kalangan pelajar